

FAKTOR PERALIHAN BAHASA DALAM MASYARAKAT MURUT DI SABAH

SAIDATUL NORNIS HJ. MAHALI
saidatul@ums.edu.my

ABSTRAK

Bahasa Murut merupakan salah satu bahasa etnik yang dituturkan di Sabah. Penutur bahasa ini boleh ditemui di daerah Keningau, Tambunan dan Tenom, Sabah namun kajian ini difokuskan hanya di daerah Keningau sahaja. Empat buah kampung yang didominasi oleh etnik Murut, iaitu Kampung Patikang Laut, Kampung Dangulad, Kampung Tuarid Taud dan Kampung Limbawan terlibat dalam kajian ini yang bertujuan untuk meneliti faktor-faktor peralihan bahasa dalam kalangan penutur bahasa Murut. Kajian ini telah menggunakan pendekatan kuantitatif dan kaedah tinjauan untuk proses pengumpulan data. Seramai 160 orang terlibat dalam kajian ini yang menggunakan kaedah persampelan rawak berstratifikasi untuk proses pemilihan responden. Sebanyak 15 item soalan telah diedar menggunakan borang soal selidik. Hasil analisis mendapati bahasa Murut sedang berada dalam fasa peralihan bahasa. Peralihan berlaku dari bahasa Murut ke bahasa dominan di sekitar mereka, yakni bahasa Sabah dan bahasa Malaysia. Hal ini berlaku disebabkan oleh penerimaan pendidikan moden, penggunaan teknologi digital dan internet, aspek sekitar, sosialisasi, trend dan ekonomi serta nilai rasa untuk membentuk identiti sebagai orang Sabah, yang memerlukan kesemua generasi penutur menyesuaikan penggunaan bahasa mengikut konteks. Kajian ini mengesahkan bahawa bahasa Murut sedang melalui fasa keterancaman dan para penuturnya sedang berada dalam proses peralihan. Mereka masih mahu mengekalkan, mempertahankan dan melestarikan bahasa Murut sebagai penanda identiti.

Kata Kunci: Bahasa Murut, etnik Murut, keterancaman bahasa, peralihan bahasa, Sabah.

LANGUAGE SHIFT FACTOR IN THE MURUT COMMUNITY OF SABAH

ABSTRACT

The Murut language is one of the many ethnic languages in Sabah. The speakers of this language can be found in Keningau, Tambunan and Tenom districts; however, this study focused on the district of Keningau. Four villages predominantly inhabited by the Murut people - Patikang Laut, Dangulad, Tuarid Taud, and Limbawan - were selected in the research to examine the language shift factors among Murut speakers. Using a quantitative approach and survey methods, data was collected from 160 individuals through a stratified random sampling process. A total of 15-item question survey form was distributed. The analysis revealed that the Murut language is undergoing a phase of language shift, transitioning towards the dominant languages in the region, namely the Sabah language and Bahasa Malaysia. This shift is attributed to the acceptance of modern education, digital technology and the internet, environmental factors, socialization, trend and economy and the necessity to conform to a Sabahan identity, which entails speakers of all generations to adapt the use of language according to contexts. Despite this shift, there remains a desire among Murut speakers to preserve and defend their language as part of their identity.

Keywords: Murut language, Murut ethnic, language endangerment, language shift, Sabah.

PENDAHULUAN

Wacana tentang keterancam dan pelestarian bahasa telah muncul sejak permulaan tahun 1990-an. Dalam konteks kajian sosiolinguistik, arus dan trend pemodenan telah banyak mengocak isu pengekalan bahasa dalam masyarakat (lihat Duff & Doherty, 2019; Hatoss, 2013; Sallabank, 2013; Pauwels, 2005) khususnya masyarakat kecil yang sedang menghadapi tekanan untuk mengekalkan bahasa masing-masing. Dalam masyarakat berbilang bahasa, peralihan daripada satu bahasa ke bahasa lain berlaku setiap hari, apatah lagi jika terdapat ahli yang mungkin berdwibahasa. Di Malaysia, terdapat tiga tuturan utama bagi kebanyakan penutur bahasa, iaitu bahasa Kebangsaan - bahasa Malaysia, bahasa serantau seperti bahasa-bahasa peribumi di Sabah dan Sarawak serta dialek-dialek Melayu di Semenanjung Malaysia selain bahasa luar seperti Inggeris, Arab, dan Mandarin. Dalam konteks masyarakat berbilang bahasa, percampuran bahasa itu juga merupakan amalan biasa dalam institusi formal seperti di sekolah dan di tempat kerja. Sekiranya pelestarian bahasa tidak dilakukan maka beberapa kesan akan kelihatan, salah satunya ialah kepupusan bahasa, penutur menjadi dwibahasa, penutur muda pula menguasai dan menjadi dominan dalam bahasa lain, yang akhirnya membawa kepada pematian bahasa. Penutur bahasa tidak mati sebaliknya mereka menjadi subset kepada bahasa lain. Keadaan itu berakhir dengan peralihan bahasa dalam kalangan seluruh populasi dan bahasa tidak lagi dituturkan di mana-mana kerana ia sudah mati (Schiffman, 1995).

Keragaman bahasa di Malaysia merupakan suatu hal yang sedia diketahui penduduknya malahan kepelbagaian itu mendorong berlakunya perbauran semasa berinteraksi, yang secara langsung mewujudkan fenomena bilingualisme ataupun multilingualisme (Ritonga et al., 2018). Oleh yang demikian, masyarakat bahasa perlu terus berusaha untuk mempertahankan bahasa masing-masing khusus dalam ranah kekeluargaan agar bahasa etnik itu mampu melalui proses pemodenan dengan ampuh. Justeru untuk tujuan sedemikian para penutur memerlukan strategi untuk mempertahankan bahasa masing-masing agar tidak goyah akibat ancaman dan 'serangan' yang sentiasa berusaha meniadakan bahasa etnik.

PERMASALAHAN KAJIAN

Daerah Keningau memiliki populasi penduduk seramai 219 100 orang (Banci Penduduk & Perumahan Malaysia, 2020) maka pastilah wujud pilihan bahasa yang diguna sebagai medium interaksi di daerah Keningau. Dengan dominasi kumpulan etnik Kadazandusun dan Murut diikuti oleh Bajau dan kumpulan Peribumi lain, maka daerah ini menyediakan pilihan bahasa yang pelbagai sebagai medium tutur. Apatah lagi terdapat empat pilihan bahasa yang boleh dipilih oleh para penutur, iaitu, bahasa Kadazandusun, bahasa Murut, bahasa Malaysia dan bahasa Sabah. Senario sedemikian menjadikan Keningau sebagai satu tempat yang menarik untuk dikaji disebabkan penduduknya berupaya menonjolkan cara tutur yang mereka kehendaki sekaligus melestarikan bahasa natif mereka.

Perubahan dan peralihan bahasa merupakan proses semula jadi, dan tidak dapat dihindari. Sesetengah ahli linguistik pula berpendapat bahawa perubahan dan peralihan bahasa merupakan petanda kepada kemerosotan sesuatu bahasa itu. Apatah lagi perubahan dan peralihan itu diterajui oleh perkembangan pendidikan dan meluasnya masukan teknologi. Hal itu turut menjadi andaian berlakunya pelemahan dan peralihan bahasa oleh ahlinya. Berkemungkinan hanya generasi tua sahaja yang masih menuturkan bahasa ini dalam semua konteks dan ranah berbanding generasi muda yang memilih untuk menggunakan bahasa dominan sebagai pilihan berbilang bahasa. Dalam konteks masyarakat Sabah, perbauran bahasa juga

merupakan amalan biasa dalam interaksi harian. Keadaan sama akan secara tidak langsung terbawa-bawa ke dalam konteks formal seperti di sekolah, di tempat kerja mahupun dalam pergaulan harian. Misalnya, untuk faedah pengajaran dan pembelajaran di sekolah maka pastilah guru akan menggunakan bahasa kebangsaan sebagai bahasa pengajaran. Namun, di pihak pelajar pula sebaliknya kerana sudah terbiasa dengan situasi campur kod dan tukar kod semasa bertutur, maka berkemungkinan sahaja proses alih bahasa terjadi di dalam bilik darjah sebagaimana pernyataan Howatt (1984); Lambert (1984); Yu (2000); Rose & Martin (2012); Kartika-Ningsih & Rose (2018) yang menegaskan akan berlaku alih kod berbahasa dalam proses pengajaran dan pembelajaran.

Memandangkan kajian ini dilakukan terhadap penutur bahasa Murut maka timbul persoalan apakah pilihan bahasa mereka dan reaksi mereka terhadap bahasa lain yang turut sama saling berperanan dalam interaksi harian khususnya saingan daripada bahasa Malaysia sebagai bahasa kebangsaan dan bahasa Sabah sebagai bahasa antar etnik. Senario itu menimbulkan persoalan bagaimana pengguna-pengguna bahasa Murut berbilang generasi ini menilai keperluan antara dua bahasa pilihan itu? Apakah mereka menerima sepenuhnya perubahan dan peralihan yang sedang berlaku dalam proses pemilihan berbahasa? Dan adakah pilihan bahasa yang tersedia menyebabkan mereka bersedia untuk meninggalkan bahasa etnik yang menjadi identiti? Kesemua isu berkenaan memerlukan jawapan empirikal untuk mengetahui punca peralihan berkenaan.

SOROTAN LITERATUR

Pengkajian terhadap peralihan dan pengejalan bahasa merupakan sebahagian daripada kajian sosiolinguistik yang mampu menyediakan jawapan yang jelas mengenai punca sesuatu bahasa tidak lagi digunakan. Kebanyakan kajian tentang peralihan bahasa memfokuskan kepada usaha untuk mengenal pasti punca dan faktor yang mendorong proses peralihan bahasa sebagaimana pendapat Fasold (1984) terlalu mudah untuk mencari isu kerana sesetengah masyarakat tutur terdedah kepada faktor yang sama tetapi mereka masih mampu mengekalkan bahasa. Terdapat faktor-faktor linguistik tertentu yang boleh diguna untuk meramal peralihan bahasa dengan menggabungkan pembolehubah seperti umur, jantina, sikap bahasa, saiz komuniti, jarak budaya antara bahasa majoriti dan bahasa minoriti, serta dasar bahasa masyarakat (Romaine, 1989). Justeru, untuk memahami fenomena peralihan bahasa, terdapat tiga perkara yang terjadi terhadap perubahan bahasa, iaitu (i) berubah dari satu golongan ke golongan lain; (ii) berubah dari satu ragam bahasa ke ragam bahasa lain; dan (iii) berubah dari satu kata ke kata yang lain (Holmes, 1995). Peralihan bahasa pula mampu dibezakan melalui dua keadaan, yakni (i) beralih ke bahasa majoriti (Apple & Muysken, 1990), atau (ii) beralih ke arah bahasa dominan (Holmes, 2010). Terdapat banyak penelitian dan diskusi mengenai perubahan linguistik dalam masyarakat tutur. Secara eksplisit, perubahan berkenaan dipengaruhi oleh situasi interaksi dan kontak penutur. Terdapat banyak juga faktor berbeza yang menyebabkan anggota masyarakat beralih menggunakan satu bahasa atau menggunakan dua kod berbeza dalam domain berbeza serta menggunakan satu bahasa komunikatif untuk pelbagai variasi (Holmes, 2010). Selain itu, peralihan bahasa juga berlaku disebabkan oleh beberapa faktor termasuk perkahwinan campur, migrasi, faktor demografi, dan sikap serta nilai pengguna bahasa (Holmes & Wilson, 2017).

Kajian dan tulisan mengenai peralihan bahasa telah lama mendapat perhatian pengkaji-pengkaji di dunia. Di Malaysia, kajian berkait dengan perubahan dan peralihan bahasa merupakan antara kajian yang menarik minat ramai pengkaji antaranya kajian-kajian yang dilakukan oleh Noraisikin Ghazali et al. (2020), Ong (2021), Wai & Selim Ben (2021), Nurul Adila Zulkipli & Sa'adiah Ma'alip (2021), Wan Robiah Meor Osman, et al. (2022), Mior

Muhammad Firdaus Abdul Rahman & Sa'adiyah Ma'alip (2022), Shin et al. (2022), Joan & Ting (2022), Ting & Hoo (2022), Mohammed Azlan Mis & Nur Syafiqah Muhammad Situl (2022), Sa'adiyah et al. (2023), Mohd Khaidir Abdul Wahab (2023). Demikian juga di negara jiran Indonesia, isu serupa juga mendapat perhatian daripada para pengkaji antaranya kajian oleh Kartika-Ningsih & Rose (2018), Andriyanti (2019), Rahmawati et al. (2022), Lestari & Hasibuan (2022), Darise et al. (2022), Muhammad Akhir et al. (2022), Idaryani, & Fidyati (2022). Literatur-literatur berkenaan berfokuskan kepada peralihan bahasa dalam ranah-ranah berbeza misalnya dalam ranah pengajaran dan pembelajaran, ranah keluarga, dan ranah sekitaran serta etnik yang memperlihatkan masyarakat tutur cenderung untuk berubah dan beralih bahasa mengikut dominasi pilihan bahasa yang diguna. Kebanyakan hasil kajian mendapati masyarakat multilingual mengemukakan ruang luas terhadap peralihan bahasa disebabkan pertembungan bahasa berbeza yang menimbulkan tanggapan berlainan terhadap penutur bahasa lain. Walaupun wujud prinsip kesamarataan bahasa namun, sebagai pengguna bahasa dominan maka perlu diakui bahawa masyarakat awam merupakan kelompok mutlak yang mampu mempengaruhi dan menentukan arah perkembangan sesebuah bahasa (Xi, 2004).

Sehingga setakat bahan ini ditulis, tidak banyak kajian terhadap peralihan bahasa yang berlaku di Sabah telah diteliti. Didapati hanya beberapa hasil kajian yang melibatkan peralihan bahasa telah diteliti misalnya hasil kajian oleh Noor Aina Dani & Mhd. Amin Arshad (2004), Berawati Renddan et al. (2020b). Hasil penelitian lain pula melibatkan domain pilihan bahasa dan dampak penggunaan bahasa Sabah terhadap bahasa etnik. Antaranya kajian oleh Berawati Renddan et al. (2020a), Noor Aina Dani & Syeril Patrisia Kining (2016), Mohd. Arifin Mohd Arif et al. (2020); Md. Roslan Suhailin & Arba'ie Sujud (2020), Saidatul Nornis Hj. Mahali et al. (2022). Daripada kesemua hasil kajian berkenaan hanya tulisan Saidatul Nornis Hj. Mahali et al. (2022) sahaja yang melibatkan masyarakat Murut dan selain itu meliputi pelbagai kumpulan etnik lain di Sabah seperti etnik Dusun, Bajau, Bisaya dan etnik Melayu Brunei. Gambaran hasil pengkajian yang memfokuskan kepada aspek peralihan bahasa masih sangat kecil sifatnya di Sabah. Senario itu perlu dibimbangkan kerana bahasa-bahasa etnik di wilayah itu sedang mulai beransur-ansur berubah dan beralih ke bahasa utama dan bahasa dominan.

Penggunaan bahasa Sabah telah diterima pakai untuk menyatukan bangsa dari pelbagai etnolinguistik dan budaya, faktor ini telah menjadi ancaman kepada bahasa-bahasa etnik di Sabah. Selain itu, faktor ancaman lain termasuklah penggunaan bahasa Malaysia sebagai bahasa kebangsaan yang berfungsi dalam hal ehwal negara, Pendidikan, media massa, politik serta sektor ekonomi. Fenomena sedemikian sedikit demi sedikit memperlihatkan para penutur bahasa etnik di Sabah memasuki fasa peralihan corak penggunaan bahasa, dan senario itu boleh membahayakan daya tahan bahasa-bahasa etnik khususnya kepada populasi penutur minoriti seperti bahasa Tidung, bahasa Sungai, bahasa Bonggi, bahasa Paitan, bahasa Bulungan, bahasa Mangkaak dan lain-lain bahasa dengan kumpulan penutur etnik yang kecil bilangannya. Isu itu sejajar dengan hasil dapatan Musgrave (2014) dan Anderbeck (2015) yang mendapati bahasa-bahasa tempatan itu terancam disebabkan oleh pengaruh dan 'kekuatan' bahasa dominan di sesebuah wilayah.

Selain itu, terdapat beberapa sebab yang cenderung dikaitkan sebagai punca peralihan bahasa. Namun konteks yang paling asas adalah kedwibahasaan, walaupun kedwibahasaan bukanlah penyebab utama berlakunya peralihan bahasa namun hampir kebanyakan isu peralihan bahasa dalam masyarakat berlaku melalui peralihan antar generasi (Lieberson, 1965). Grosjean (2015) berpendapat bahawa dwibahasa dan dwibudaya sering digabungkan dalam penyelidikan tentang dwibahasa. Ia bukanlah idea baru, kerana Soffietti (1960) telah melaksanakan kajian tentang realiti bahawa budaya dan status bahasa merupakan dua hal

berbeza. Dwibahasa boleh jadi satu budaya atau dwibudaya, dan satu bahasa boleh jadi satu budaya atau dwibudaya. Grosjean (1992) juga menambah bahawa sesetengah orang Eropah mungkin berbilang bahasa, setelah mempelajari dua atau lebih banyak bahasa dalam sekitaran sekolah. Walau bagaimanapun, mereka adalah monobudaya (monocultural) kerana mereka hanya bekerja dan tinggal di negara serta dalam persekitaran budaya tunggal. Sebaliknya, individu boleh ekabahasa tetapi berbilang budaya kerana melibatkan diri dalam budaya berbeza, yakni merentas hubungan sosial tetapi memilih untuk tidak mempelajari bahasa budaya berkenaan (Schwartz et al., 2017; Shih & Sanchez, 2005).

METODOLOGI

Pendekatan kuantitatif dan kaedah tinjauan telah digunakan untuk proses pengumpulan data. Borang soal selidik telah diedarkan kepada responden untuk memperoleh data bagi mencapai objektif penelitian.

POPULASI DAN PERSAMPELAN

Populasi kajian ini terdiri daripada para penutur bahasa Murut di daerah Keningau, yang berusia di antara 19 tahun sehingga 59 tahun. Menurut Cecilio et al. (2017), kajian terhadap pembahagian generasi adalah penting kerana ia boleh mempengaruhi sikap pemilihan bahasa dalam kehidupan harian. Lokasi kajian terdiri daripada empat buah kampung yang didominasi oleh etnik Murut, iaitu Kampung Patikang Laut, Kampung Dangulad, Kampung Tuarid Taud dan Kampung Limbawan. Bagi mendapatkan data yang lebih teliti terhadap sesuatu populasi, maka kajian ini menggunakan teknik persampelan rawak berstratifikasi telah diguna untuk proses pemilihan responden kajian.

Instrumen kajian ini telah diadaptasi daripada kajian Noor Aina Dani & Syeril Patrisia Kining (2016). Item-item soal selidik adalah faktor-faktor yang mempengaruhi perubahan penggunaan bahasa ibunda dalam kalangan etnik Murut. Faktor-faktor tersebut mengandungi sikap penutur bahasa Murut terhadap aspek penguasaan bahasa Ibunda; sikap penutur bahasa Murut sebagai lambang identiti; dan sikap penutur bahasa Murut terhadap bahasa Sabah. Namun demikian, terdapat beberapa item yang perlu diubah suai supaya ia selari dengan objektif kajian. Skala Likert lima mata telah digunakan; iaitu sangat setuju=5, setuju=4, neutral=3, tidak setuju=2, sangat tidak setuju=1. Jumlah item keseluruhan adalah sebanyak 14.

Kajian ini merupakan kajian secara keratan rentas ia hanya mengumpul data pada tempoh kajian sahaja dan tidak melihat kepada kesan kepada sesuatu situasi. Langkah pertama yang dilakukan adalah menjalankan kajian rintis terhadap 30 orang responden etnik Murut di kampung lain yang tidak terlibat dengan kajian sebenar. Hasil daripada kajian rintis, terdapat beberapa pengubahsuaian telah dilakukan terhadap item soal selidik. Item yang diubah merangkumi bentuk ayat dan susunan item. Langkah kedua pula adalah pelaksanaan pengumpulan data kajian sebenar. Garis panduan oleh Roscoe (1975) telah digunakan untuk menentukan bilangan responden kajian. Roscoe menyatakan bahawa bilangan responden lebih daripada 30 orang dan kurang daripada 500 orang adalah mencukupi untuk memenuhi syarat Central Limit Theorem (CLT). Pengumpulan data telah berlangsung pada bulan Februari 2022-Julai 2022 dengan melibatkan seramai 160 orang responden. Analisis deskriptif merupakan analisis utama kajian ini untuk mencapai objektif kajian.

DAPATAN KAJIAN

Faktor-faktor peralihan bahasa dalam kalangan penutur bahasa Murut dapat diteliti sebagaimana paparan peratus analisis data di dalam jadual berikut.

Jadual 1: Faktor Peralihan Bahasa dalam Kalangan Penutur Bahasa Murut

| Bil. | Soalan | Sangat Tidak Setuju | Tidak Setuju | Neutral | Setuju | Sangat Setuju |
|------|---|---------------------|--------------|---------|--------|---------------|
| 1 | Peralihan penggunaan bahasa berlaku tanpa dirancang. | 0.00% | 13.04% | 60.87% | 26.09% | 0.00% |
| 2 | Peralihan penggunaan bahasa disamakan dengan trend semasa. | 8.70% | 26.09% | 34.78% | 26.09% | 4.35% |
| 3 | Peralihan penggunaan bahasa tetap berlaku walaupun penutur bahasa Murut tidak bergaul dengan penutur jati bahasa Melayu. | 4.35% | 8.70% | 56.52% | 30.43% | 0.00% |
| 4 | Peralihan penggunaan bahasa berlaku kerana budaya penutur bahasa Murut cenderung mengubah gaya hidup. | 8.70% | 17.39% | 56.52% | 13.04% | 4.35% |
| 5 | Peralihan penggunaan bahasa dalam kalangan etnik Murut terjadi tanpa disedari. | 0.00% | 4.35% | 47.83% | 43.48% | 4.35% |
| 6 | Peralihan penggunaan bahasa etnik Murut berubah kerana mengikut kesesuaian zaman. | 13.04% | 13.04% | 34.78% | 39.13% | 0.00% |
| 7 | Perubahan bahasa berlaku akibat daripada pergaulan harian berbeza, yakni bertemu dengan individu yang berbeza latar belakang. | 4.35% | 13.04% | 39.13% | 30.43% | 13.04% |
| 8 | Peralihan penggunaan bahasa berlaku kerana cenderung terhadap bahasa tertentu. | 8.70% | 17.39% | 43.48% | 30.43% | 0.00% |
| 9 | Peralihan penggunaan bahasa berlaku kerana pengaruh teknologi maklumat khususnya pengaruh sosial media. | 13.04% | 13.04% | 43.48% | 26.09% | 4.35% |
| 10 | Mudah untuk menulis menggunakan bahasa sabah di dalam aplikasi Whatapps menyebabkan berlaku peralihan penggunaan bahasa. | 4.35% | 8.70% | 43.48% | 43.48% | 0.00% |
| 11 | Peralihan penggunaan bahasa berlaku akibat daripada perubahan sikap penutur terhadap bahasa Ibunda. | 0.00% | 17.39% | 52.17% | 30.43% | 0.00% |
| 12 | Keadaan bahasa Murut boleh diibaratkan sebagai, "Badan masih kekal Murut, tetapi semangat telah menjadi Melayu." | 4.35% | 13.04% | 47.83% | 21.74% | 13.04% |
| 13 | Kurangnya kesedaran untuk memelihara bahasa Ibunda dalam kalangan generasi muda Murut. | 4.35% | 13.04% | 30.43% | 30.43% | 21.74% |
| 14 | Bahasa berubah mengikut penggunaan bahasa majoriti dalam kehidupan. | 0.00% | 4.35% | 34.78% | 52.17% | 8.70% |
| 15 | Peralihan penggunaan bahasa kerana identiti "Sabahan" lebih diutamakan. | 8.70% | 21.74% | 52.17% | 17.39% | 0.00% |

Sebab-sebab perubahan bahasa penutur bahasa Murut di Keningau dapat diteliti melalui Jadual 1. Sebanyak 60.87% menyatakan respon neutral kepada soalan 1, soalan ke-2 mendapat

34.78% manakala soalan ke-3 dan ke-4 setiap satunya memperoleh 56.52%. Perolehan berkenaan membuktikan bahawa penutur-penutur Murut menerangkan punca perubahan terjadi kerana suka kepada gaya tuturan serta kemahuan mereka untuk menyesuaikan cara bertutur berasaskan situasi tutur. Mereka juga menganggap kelenturan bahasa memudahkan penutur memilih medium serta boleh disesuaikan mengikut konteks tutur. Peratusan berkenaan mengukuhkan pandangan Gumperz & Hymes (1972) yang menjelaskan bahawa kepelbagaian bahasa yang wujud masyarakat mendukung peranan berbeza dan diperlukan oleh anggota masyarakat. Hal sama ditegaskan oleh Fergusson (1966) yang menyatakan bahawa apabila dua ragam bahasa yang wujud dalam masyarakat memiliki fungsi berbeza, yakni ragam rendah yang terhad hanya di kawasan rumah, aktiviti harian, persahabatan manakala ragam tinggi pula sering diguna oleh penutur dalam ranah pendidikan, keagamaan, pentadbiran dan sebagainya. Dengan maksud lain, apabila banyak bahasa diguna serentak maka penutur akan mulai memilih untuk menuturkan bahasa yang lebih berprestij berbanding bahasa-bahasa lain. Bahasa yang lebih berkedudukan itu pastilah berupaya memenuhi fungsi-fungsi tutur yang diperlukan oleh para penutur, yang secara tidak langsung menyebabkan mereka berubah ke bahasa berkenaan.

Soalan ke-5 mendapat respon sebanyak 47.8%. Soalan berkenaan berlegar tentang perubahan bahasa yang tidak disedari oleh penutur. Soalan ke-6 pula mengenai perubahan bahasa disebabkan oleh proses penyesuaian telah memperoleh sebanyak 39.13% respon. Peratus sama diperoleh oleh soalan ke-7. Soalan berkenaan berkisar kepada punca perubahan bahasa. Sebanyak 43.48% jawapan diberi kepada soalan ke-8 berkenaan kegemaran penutur memilih bahasa tertentu dalam proses interaksi. Kebanyakan situasi bahasa memaparkan bahawa bahasa dominan akan menguasai aktiviti komunikasi harian pendukungnya yang secara perlahan-lahan akan mencetuskan perubahan bahasa. Fishman (1966) menyatakan bahawa perkembangan dalam konteks sosial, kebudayaan, psikologi dan ekonomi yang dinamik merupakan pencetus kepada perubahan berbahasa. Hal itu juga sejajar dengan pendapat Grosjean (1982) yang menegaskan bahawa sesebuah masyarakat tutur itu ingin mempertahankan bahasanya namun dalam masa sama beralih secara pantas ke bahasa dominan yang memenuhi keperluan komunikasi mereka.

Kesemua dapatan soalan satu hingga lapan meneguhkan pernyataan Gupta (1997). Beliau menegaskan bahawa apabila kumpulan-kumpulan etnik dan bahasa berbeza hidup berjiranan selama bergenerasi, maka terdapat kemungkinan berlakunya alih bahasa walaupun mereka tidak terdapat perkahwinan campur. Senario sedemikian berkemungkinan menyebabkan hanya beberapa bahasa diguna dalam ranah rumah pada masa yang sama berkemungkinan bahasa nenek moyang (bahasa Ibunda) akan turut hilang dalam ranah yang sama. Dengan maksud lain, Perubahan bahasa sering terjadi disebabkan oleh pertemuan dan interaksi manusia (Gupta, 1997). Keadaan itu membuatkan anggota masyarakat perlu memadankan semula medium tutur yang dipakai berasaskan pemakaian bahasa yang dominan dan difahami luas.

Soalan 9 dan 10 berkisar tentang penggunaan teknologi yang telah mempengaruhi cara berkomunikasi. Bahasa beralih kerana bahasa dominan turut digunakan oleh media sosial sebagai kegunaan utama, yang menghasilkan respon sejumlah 43.48%. Para penutur memutuskan untuk memakai bahasa Sabah semasa menggunakan aplikasi Whatapps dengan respon seimbang sebanyak 43.48%. Hasil analisis berkenaan memerikan bahawa generasi muda Murut gemar memindah dan menukar penggunaan bahasa berasaskan topik, peserta tutur dan situasi tutur. Para penutur bahasa Murut sedar bahawa mereka perlu menerima perkembangan teknologi dengan sebaiknya. Justeru, mereka juga perlu mampu memahami bahasa yang digunakan dalam bidang teknologi dan mampu mengguna pakai sepenuhnya

bahasa yang menunjangi teknologi untuk mendapat manfaat daripadanya. Berkait itu, maka mereka perlu beralih ke bahasa Inggeris untuk memenuhi fungsi berkenaan. Hal itu seiring dengan pernyataan Pillai (2006) yang menyatakan bahawa untuk diterima ke dalam masyarakat global, maka rakyat Malaysia perlu menerima bahasa Inggeris sebagai bahasa teknologi.

Salah satu ciri globalisasi adalah penerimaan terhadap kepesatan dan kemajuan teknologi yang bertunjangkan bahasa Inggeris. Ia menuntut pengorbanan bahasa kerana bahasa utama teknologi bukanlah dalam bahasa Malaysia ataupun bahasa-bahasa etnik. Senario sedemikian memberi banyak ruang dan peluang kepada industri kreatif Malaysia, khususnya pengembangan bakat generasi muda ke luar Sabah. Ia secara tidak langsung akan memerlukan para penutur mengetahui lebih daripada satu bahasa untuk mewujudkan jaringan perhubungan yang lebih besar dan lebih jauh. Para penutur generasi muda Murut juga terdedah kepada teknologi informasi melalui penggunaan internet yang menggunakan bahasa Inggeris. Fenomena itu secara langsung telah menidakkan peranan bahasa Murut dalam komunikasi harian mereka. Hal sedemikian telah memberi dampak negatif kepada medium interaksi. Maka bahasa Murut akan perlu dikorbankan untuk memberi laluan kepada bahasa lain untuk memenuhi peranan itu dalam proses komunikasi dan interaksi maklumat melalui ruang teknologi. Oleh yang demikian, pilihan terdekat adalah bahasa Sabah yang kemudiannya beralih ke bahasa Melayu atau bahasa Inggeris. Perkara itu seiring dengan dapatan Hakuta (1991) dan Saidatul Nornis Hj. Mahali et al. (2022) yang menegaskan bahawa penggunaan bahasa utama di dalam peranti teknologi akan menyebabkan pengguna mengubah cara mereka berinteraksi. Fenomena itu juga sekaligus memperlihatkan hubung kait antara kecekapan teknologi, pilihan terhadap bahasa serta sikap para penutur terhadap bahasa yang dipilih.

Pada era globalisasi, bahasa berperanan penting khusus untuk perkembangan teknologi serta menyampaikan gagasan dan aspirasi kepesatan teknologi. Akrabnya hubungan antara teknologi dengan generasi remaja khusus dalam konteks komunikasi media dan teknologi digital menyebabkan perlunya penguasaan terhadap bahasa selain bahasa Ibunda. Kesan penggunaan teknologi yang berleluasa secara tidak langsung mewujudkan fenomena xenoglosofilia khusus dalam kalangan pengguna remaja generasi Y dan Z (Lanin, 2018). Fenomena sedemikian akan menyebabkan bahasa Murut semakin terpinggir dan dinafikan peranannya dalam teknologi kerana bahasa Murut tidak mampu memenuhi fungsi sebagai bahasa sejagat. Keadaan diburukkan oleh sikap anggota tutur masyarakat Murut yang berkemungkinan juga gemar mencampuradukkan bahasa Inggeris dengan bahasa Malaysia atau gabungan bahasa Inggeris dengan bahasa Sabah. Isu sama turut diketengahkan dalam masyarakat tutur lain sepertimana hasil kajian oleh Karina Diah Rahmawati et al. (2022), Listeani (2020), Octorina et al. (2018) menekankan bahawa media sosial sangat berpengaruh terhadap pelajar apatah lagi dari aspek penggunaan bahasa, malah melalui media sosial muncul pertembungan antara bahasa-bahasa yang akhirnya secara tidak langsung terolah perbauran kod, gangguan bahasa serta perubahan bahasa (Kunjana, 2006).

Keterangan tentang usaha pelestarian dan pemuliharaan disemak melalui soalan ke-11 hingga ke-15. Respon neutral 52.17% untuk soalan 11 tentang sikap bahasa penutur yang mencetuskan perubahan bahasa. Soalan 12 pula, memperoleh respon sejumlah 47.83% yang menyatakan bahawa penutur Murut sebenarnya telah 'berubah' ke acuan Melayu dalam konteks tutur. Respon tersebut memperlihatkan sikap kurang pasti para penutur terhadap bahasa Sabah sebagai medium interaksi utama untuk menggantikan bahasa etnik. Peralihan bahasa merupakan perubahan daripada menggunakan satu bahasa ke bahasa yang lain (Weinreich, 1964). Bahasa Murut mempunyai peranan yang sedikit di Malaysia dan hanya kekal dalam kalangan generasi pertama. Dalam keadaan sedemikian, bahasa Murut telah

dicampuradukkan dengan banyak perkataan Melayu khususnya bahasa Sabah yang bertindak sebagai bahasa antar etnik. Identiti Murut masih dikekalkan tetapi mereka lebih gemar menggunakan bahasa Sabah sebagai bahasa perantara. Perkara itu sejajar dengan pernyataan Dilah Tuah et al. (2020) dan Mohammed Azlan Mis (2020) yang menerangkan bahawa fungsi lingua franca sesuatu bahasa menyebabkan ia dipilih sebagai medium interaksi luas yang diterima pakai di dalam masyarakat. Sejajar itu juga, konsep keetnikan itu juga berkaitan dengan asal usul dan sifat kebudayaan. Hal itu termasuklah nama, agama, bangsa, adat resam, kebudayaan dan bahasa. Pemikiran sedemikian adalah untuk mempersembahkan pandangan etnik tentang keetnikan, sepertimana yang diterima oleh orang daripada komuniti itu sendiri. Dengan maksud lain, identiti mereka diasaskan kepada pertalian agama, adat resam dan kebudayaan, bangsa dan sosial mereka yang sangat erat dengan masa lampau (Eriksen, 1993).

Soalan ke-13 pula, memaparkan 30.43% respon neutral dan jawapan bersetuju terhadap kurangnya kesedaran untuk memelihara bahasa etnik. Dengan maksud lain, generasi muda Murut tahu bahawa mereka perlu memelihara bahasa Ibunda namun dalam masa sama, mereka juga perlu menggunakan bahasa lain dalam interaksi harian. Kumpulan-kumpulan etnik di Sabah amnya akan menggunakan bahasa etnik atau bahasa Sabah atau bahasa Inggeris atau kod campuran apabila bercakap dengan ahli komuniti etnik mereka sendiri. Senario sama berlaku di Semenanjung Malaysia, lihat misalnya kajian oleh David (2008); Mukherjee & David (2011). Dengan kepelbagaian bahasa yang ada di Sabah maka sangat menyedihkan sekiranya bahasa-bahasa itu hilang tanpa adanya usaha untuk menyokong, melestari, mengajarkan semula serta mengekalkan bahasa-bahasa berkenaan. Sememangnya terdapat langkah yang diusahakan oleh pihak kerajaan untuk memulihara bahasa etnik melalui sistem pendidikan seperti pengenalan bahasa Iban, bahasa KadazanDusun dan bahasa Semai (David, 2008). Bahasa-bahasa tersebut hanya sebahagian kecil daripada bahasa-bahasa etnik yang telah dikedepankan untuk dipelihara. Walhal, sebenarnya banyak lagi bahasa-bahasa etnik lain yang juga turut perlu dilestarikan. Hal ini perlu kerana bahasa dan budaya merupakan identiti sesebuah kumpulan etnik. Sekiranya mereka kehilangan bahasa dan budaya maka sekaligus identiti mereka juga akan terancam dan terjejas. Sesungguhnya, bahasa Ibunda sebagai bahasa warisan sesebuah kumpulan etnik perlu dikekalkan sebagai penanda identiti etnik.

Bahasa Murut sebenarnya belum terancam sepenuhnya. Ia masih tegar dituturkan oleh generasi tuanya meskipun sudah terdapat peralihan tutur dalam kalangan generasi mudanya. Hal ini bermaksud, anggota lama dalam masyarakat ini secara kolektif masih mahu menggunakan bahasa Ibunda yang biasa dituturkan berbanding penutur mudanya yang memilih menggunakan sama ada bahasa Ibunda atau bahasa Sabah. Perubahan dan peralihan itu bakal mengambil tempatnya secara beransur-ansur. Namun para penutur Murut masih memiliki pilihan untuk melestarikan bahasa Murut dalam konteks berbeza. Bahasa Murut mempunyai ruang dan bahagian yang besar dalam semua kegiatan kebudayaannya seperti pernyataan Hoed (2011) yang menerangkan bahawa bahasa daerah itu masih berperanan dalam (i) vernakular, yakni bahasa itu dituturkan sebagai medium komunikasi dalam satu masyarakat; (ii) rujukan budaya, yakni ia diguna dalam ranah sosial mahupun upacara tradisi sebagai rujukan kebudayaan; (iii) ritual, yakni dalam hal yang berkait dengan aspek kepercayaan; dan (v) verhikular, yakni bahasa diguna sebagai medium komunikasi antar etnik yang berlainan bahasa dan diguna juga sebagai bahasa tadbir, undang-undang ataupun politik. Selain itu, datuk-nenek dan ibu bapa turut berperanan besar dalam usaha pelestarian bahasa Murut. Mereka perlu menurunkan kemampuan berbahasa Ibunda pada tahap maksimum kepada anak-anak dalam semua ranah kehidupan. Seandainya bahasa Murut tidak mampu menahan ‘serangan dan ancaman’ daripada sistem pendidikan dan ledakan teknologi, maka para penutur bahasa itu

masih mampu mempertahankannya melalui pelbagai aktiviti kebudayaan dan ditutur sebaik mungkin dalam semua ranah sosial yang disertai oleh orang-orang Murut sendiri. Dengan upaya sedemikian maka kesetiaan bahasa dalam kalangan generasi penutur yang lebih muda akan boleh ditingkatkan sekaligus, akan memperlihatkan vitaliti bahasa Murut dalam kalangan generasi mudanya.

Sebanyak 52.17% responden bersetuju bagi item 14 dan item 15 yang menjelaskan penggunaan bahasa dominan itu berlaku berdasarkan penggunaannya secara majoriti dan perubahan serta peralihan berlaku kerana para penutur lebih mengutamakan identiti bersama dan seragam sebagai orang Sabah berbanding meletakkan identiti etnik. Bahasa yang digunakan dalam komunikasi sehari-hari melambangkan hakikat sebenar penggunaan bahasa sesebuah bangsa yang seterusnya menjadi cerminan kepada budaya dan jati diri bangsa tersebut. Sebenarnya bahasa dan identiti itu dihubungkan sekurang-kurangnya dengan tiga kaedah, yakni (i) identiti sosial dikodkan di dalam bahasa; (ii) identiti sosial mempengaruhi perbendaharaan kata dan gaya tutur individu; dan (iii) identiti sosial membenarkan individu yang berbilang bahasa untuk mengekspresikan keanggotaan dalam kumpulan sosial yang pelbagai (Riley, 2008). Berasaskan gagasan Riley itu, maka setiap individu boleh menunjukkan repertoir mereka menurut situasi tutur. Riley menegaskan bahawa bahasa sebenarnya adalah asas kepada identiti individu. Sebagaimana pernyataannya “identiti dibina daripada pengetahuan dan bahasa. Kedua-duanya adalah apa-apa perkara yang kita tahu dan bagaimana kita mengetahuinya” (Riley, 2008:91). Bahasa Sabah dianggap sebagai bahasa komunikasi luar kumpulan kerana bahasa itu tidak diturunkan secara turun-temurun sebaliknya dipelajari untuk tujuan sosialisasi. Penutur bahasa Murut berbangga dengan bahasa Ibunda mereka. Di Keningau, isu sosiolinguistik tentang peralihan dan kehilangan bahasa adalah realiti yang sedia ada. Peranan ragam Melayu Sabah sebagai lingua franca Sabah adalah punca utama tuntutan ini.

Bahasa bukan sekadar membantu untuk menunjukkan identiti, tetapi ia juga menggabungkan peribadi dan identiti sosial sebagaimana pernyataan Tabouret-Keller (1998:317) yang turut menegaskan bahawa “Ciri-ciri bahasa adalah tali yang mengikat antara individu dan identiti sosial bersama-sama. Dengan menawarkan kedua-duanya, yakni cara mencipta ikatan itu dan cara yang memaparkannya”. Bahasa Sabah telah menjadi bahasa pertama dan kedua masyarakat berbilang etnik di Sabah umumnya dan di daerah Keningau khususnya. Hal sama dapat dilihat dalam konteks dialek Melayu Sarawak telah menjadi bahasa pertama dan kedua masyarakat berbilang etnik Sarawak dan dituturkan di seluruh negeri sebagai lingua franca. Dari segi status sosial, dialek Melayu Kuching diklasifikasikan sebagai dialek tempatan tinggi (H) yang dituturkan dalam semua suasana formal di seluruh Sarawak (Mohammed Azlan Mis, 2020). Senario sedemikian turut dipapar oleh Metom et al. (2021) yang mendapati penurunan penggunaan bahasa Iban untuk proses sosialisasi dalam ranah persahabatan, pekerjaan dan urusan niaga. Ia digantikan dengan bahasa Inggeris, bahasa Melayu Sarawak dan bahasa Melayu Standard disebabkan kehadiran kumpulan etnik lain di ruang sosialisasi. Justeru hal sama dapat dilihat dalam konteks Sabah, yakni sikap penduduk Keningau terhadap kebanggaan linguistik telah didorong oleh fakta bahawa ragam Melayu Sabah adalah lingua franca di seluruh negeri.

PERBINCANGAN

Peralihan bahasa berlaku secara beransur-ansur apabila penutur satu bahasa mula berhenti menggunakan bahasa pertama mereka dan menggantikannya dengan bahasa yang dominan secara sosial (Clyne, 2003). Ia bermula dengan satu ranah kehidupan, misalnya ranah

kekeluargaan dan akhirnya mengambil alih kesemua ranah (Pandharipande, 1992), dan ia juga membawa kepada pematian bahasa apabila tiada lagi penutur yang menuturkan sesuatu bahasa itu (Dorian, 1981). Ahli-ahli bahasa telah mentakrifkan dan mengklasifikasikan pelbagai jenis anjakan bahasa, misalnya Tandefelt (1992) membezakan empat jenis peralihan bahasa, iaitu peralihan separa, peralihan penuh, peralihan makro dan peralihan mikro. Clyne (2003) juga ada menjelaskan tentang dua jenis anjakan bahasa, yakni anjakan intra generasi dan antar generasi. Walau apa pun klasifikasi yang telah dibuat, terdapat satu persetujuan umum bahawa faktor yang paling kerap dan berpengaruh dalam proses peralihan bahasa adalah pergeseran demografi atau bilangan penutur, sikap bahasa mereka, dan keadaan sosioekonomi dan politik masyarakat. Selain itu, para penyelidik juga telah mengaitkan empat perkara berikut dengan situasi peralihan bahasa, yakni (i) fungsi motivasi dan korelasi sosial; (b) perubahan bahasa; (c) dimensi psikologi; dan (d) kesan daripada pendidikan dan dasar bahasa (Clyne, 2003). Sebenarnya, semua generasi penutur bahasa Murut akan mampu mengekspresikan nilai rasa dengan sempurna dan sesuai menggunakan bahasa Ibunda. Perilaku bahasa sedemikian mampu memaparkan pandangan dunia mereka terhadap bahasa sekaligus dapat memperlihatkan identiti mereka sebagai orang Murut. Usaha mengekspresi nilai makna linguistik sedemikian bertepatan dengan fungsi bahasa yang dikemukakan Halliday (1976) yang menjelaskan bahawa terdapat tujuh fungsi bahasa, iaitu (1) fungsi instrumental; (ii) fungsi regulatori; (iii) fungsi representasi; (iv) fungsi interaksi; (v) fungsi heuristik; (vi) fungsi personal; dan (vii) fungsi imaginatif. Oleh yang demikian, pelestarian bahasa Murut itu pastilah akan diteruskan oleh para penutur berkenaan agar ia dapat memenuhi fungsi-fungsi berkenaan selain turut juga mencerminkan identiti penuturnya. Sehingga setakat kajian ini dilaksanakan, bahasa Malaysia dan bahasa Sabah masih belum menggantikan keberadaan bahasa Murut. Hal ini terlihat daripada interaksi semua generasi masyarakat tutur Murut yang rata-rata masih menuturkan bahasa Ibunda dalam ranah-ranah tertentu dan bersesuaian konteks tutur. Meskipun bahasa Ibunda masih dituturkan namun kedudukannya juga sudah mula goyah kerana sudah muncul ketidakfasihan tuturan dalam kalangan generasi kedua dan generasi ketiganya. Bahasa Murut sedang mulai terancam. Dalam konteks penutur bahasa Murut di Sabah yang sedang berhadapan dengan ancaman kepupusan bahasa kerana penutur mudanya sedang beralih ke bahasa lain.

Pelestarian dan peralihan bahasa adalah dua gejala kebahasaan yang saling berkait. Kedua-dua fenomena bahasa ini juga tidak boleh terlepas daripada fenomena kecekapan bahasa. Bahasa dikatakan mengalami peralihan ketika sesebuah masyarakat mulai meninggalkan bahasa tradisionalnya (bahasa etnik atau bahasa Ibunda). Secara umum, bahasa standard yang dituturkan akan mendapat tempat dalam masyarakat yang mengakibatkan bahasa etnik/bahasa daerah/bahasa Ibunda yang minoriti akan terkorban, apabila masyarakat sesuatu bahasa itu mulai meremehkan bahasanya sendiri kerana asakan ilmu pengetahuan dan teknologi di pelbagai ranah. Keadaan diburukkan lagi dengan ranah pendidikan, aspirasi ibu bapa dan penggunaan media yang secara jelas memihak kepada bahasa standard, yang akhirnya mengarah kepada kemerosotan dan peralihan bahasa.

Sesungguhnya, fenomena peralihan bahasa telah muncul sejak pengaruh pendidikan dan teknologi menerjah wilayah masyarakat etnik. Fenomena alih bahasa ini juga dapat dikaitkan dengan pola 'age-grading patterns', yakni tuturan yang diguna berdasarkan peringkat usia. Seiringan itu, dapat diramal bahawa penutur bahasa Murut dari tiga generasi berbeza usia ini juga memperlihatkan corak tutur yang berbeza berasaskan tuntutan konteks. Generasi tiga (10-19 tahun) dan generasi dua (20-39 tahun) Murut akan memilih untuk bertutur dalam corak standard kerana mereka perlu berada dalam sistem pendidikan dan pekerjaan. Bermaksud pada

usia 10-19 tahun para penutur lebih banyak menghabiskan masa di sekolah dan bertutur dalam bahasa selain Murut. Demikian dengan peringkat usia 20-39 tahun yang sama ada masih berada di dalam sistem pendidikan atau telahpun mulai bekerja. Bermakna mereka juga perlu mengutamakan bahasa selain Murut untuk keperluan interaksi dan sosialisasi dalam konteks pendidikan dan pekerjaan. Berbanding generasi pertama (40-59 tahun) yang mulai mengalihkan corak tutur daripada ragam standard ke ragam bukan standard, yakni mereka lebih banyak menggunakan bahasa Murut dalam persekitaran interaksi kerana keperluan corak tutur bukan standard itu lebih mewujudkan keselesaan berbanding menggunakan ragam standard. Generasi pertama inilah yang biasanya akan lebih banyak mempertahankan bahasa Ibunda berbanding dua generasi lainnya. Senario itu sejajar dengan pendapat Holmes (2010) menyatakan terdapat hubungan yang jelas antara cara tutur dengan umur penutur. Ia berkait dengan variasi linguistik mengikut peringkat umur dan perubahan dalam tingkah laku tutur mengikut peningkatan usia. Kecenderungan linguistik umum boleh ditentukan dalam dua peringkat, iaitu peringkat remaja-dewasa muda (sehingga 50 tahun) dan peringkat dewasa akhir (50 tahun ke atas). Secara am, kelompok remaja menggunakan lebih banyak variasi bukan standard berbanding kelompok dewasa muda. Corak tutur sedemikian itu kemudian akan beransur-ansur berubah ke corak tutur yang lebih standard sehingga ke peringkat tertentu pada akhir dewasa. Namun didapati apabila mencapai umur peringkat dewasa akhir, corak tutur standard akan mulai beralih dan berkurang ke corak bukan standard.

Selain itu, nilai makna berbahasa turut dapat dijadikan sebagai alasan untuk peralihan bahasa. Generasi dua dan tiga penutur bahasa Murut berkemungkinan mengalami kesukaran menemukan perkataan yang tepat untuk mengungkapkan buah fikiran atau kesukaran untuk menjelaskan sesuatu perkara dengan tepat menyebabkan mereka perlu memilih perkataan daripada bahasa lain sama ada bahasa Sabah atau bahasa Malaysia kerana mereka mengetahui makna kata dan konteks kata berkenaan dengan lebih baik. Berbanding generasi pertama yang sudah lebih fasih dan memiliki pengetahuan bahasa Ibunda yang lebih baik, maka mereka lebih mudah mengungkap sesuatu perkataan itu dengan menggunakan bahasa Ibunda. Kekurangan pengetahuan atau tidak tahu sesetengah perkataan dalam bahasa yang sedang dituturkan menyebabkan berlakunya pemilihan dan peralihan ke bahasa lain sebagai alternatif untuk menyebut perkataan yang tidak diketahui dalam bahasa yang sedang dituturkan itu. Senario sedemikian seiring dengan pendapat Appel & Muysken (1990) dan Hoffman (1991) yang menjelaskan bahawa seseorang penutur bahasa akan mulai meminjam daripada bahasa lain apabila si penutur itu ingin menegaskan mengenai sesuatu perkara kerana penutur itu percaya kemampuan bahasa yang dipilih itu untuk menyampaikan perasaan secara efektif berbanding menuturkannya dalam bahasa ibunda. Keadaan itu juga bertepatan dengan pendapat Mufwene (2003) yang menerangkan bahawa peralihan bahasa biasanya bukanlah suatu tindakan yang disadari sama ada di peringkat penutur individu atau masyarakat kerana peralihan itu berlaku untuk memenuhi matlamat interaksi.

KESIMPULAN

Peralihan bahasa itu sangat berkait dengan pemilihan bahasa. Pemilihan bahasa pula berhubung kait dengan tindakan dan sikap penutur sesuatu bahasa Ibunda itu sama ada kekal mahu menggunakan bahasa itu atau sebaliknya. Memandangkan telah wujud kontak bahasa antara penutur bahasa Murut dengan penutur-penutur bahasa lain, maka pasti wujud kemungkinan 'ketertarikan' terhadap bahasa lain khususnya bahasa yang mampu menampung dan mencakup nilai makna yang lebih dalam semasa berbahasa. Fenomena itu juga didapati wujud dalam kalangan semua generasi penutur bahasa Murut yang sedang berada dalam fasa beralih ke bahasa dominan khususnya ke bahasa Sabah. Peralihan itu pastilah akan mengambil waktu

yang panjang namun ia sedang pasti beranjak. Anjakan itu berpunca daripada beberapa faktor seperti penerimaan pendidikan, sikap bahasa penuturnya, ranah penggunaan bahasa berdasarkan keperluan, keperluan ekonomi dan pentadbiran kerajaan serta faktor kedwibahasaan. Hasil kajian ini mengesahkan wujudnya kemerosotan fungsi bahasa Murut dalam kalangan penuturnya. Penutur bahasa ini membuat pilihan bahasa berdasarkan konteks dan untuk memenuhi keperluan interaksi. Tindakan sedemikian menyebabkan mereka beralih ke bahasa yang lebih mampu memenuhi fungsi luas sesuatu interaksi dan pilihan linguistik mereka dipengaruhi oleh perubahan masyarakat di Malaysia.

PENGHARGAAN

Makalah ini adalah hasil Pendanaan daripada Geran Penyelidikan (GPB0003-2022), yang ditaja oleh Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa, Universiti Malaysia Sabah. Pada kesempatan ini, kami merakamkan penghargaan kepada semua informan yang membekalkan data Murut di daerah Keningau Sabah untuk menjayakan tulisan ini.

RUJUKAN

- Anderbeck, K. (2015). Portraits of language vitality in the languages of Indonesia. Paper presented at the language documentation and cultural practices in the Austronesian world: Papers from 12-ICAL, Volume 4, Bali, Indonesia.
- Andriyanti, E. (2019). Language shift among Javanese youth and their perception of local and national identities. *GEMA Online® Journal of Language Studies*, 19(3), 109-125. <http://doi.org/10.17576/gema-2019-1903-07>
- Appel, R., & Muysken, P. (1990). *Language contact and bilingualism*. New York: Routledge, Chapman and Hall, Inc.
- Banci Penduduk & Perumahan Malaysia. (2020). Jabatan Perangkaan Malaysia.
- Berawati Renddan, Adi Yasran Abdul Aziz, & Noor Aina Dani. (2020b). Shifting the dimensionality of language: evidence from bilingual Bajau-Sama Kota Belud in Malaysia. *Advances in Language and Literary Studies*, 11(6), 12-24. <https://files.eric.ed.gov/fulltext/EJ1287370.pdf>.
- Berawati Renddan, Adi Yasran Abdul Aziz, Hasnah Mohamad, & Shahril Nizam Sha'ri. (2020). Domain dan bahasa pilihan tiga generasi etnik Bajau Sama Kota Belud. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 5(7), 96 - 107. DOI: 10.47405/mjssh.v5i7.448.
- Cecilio, L., Ángel, H., & Alberto, F. (2017). Language Attitudes, Family Language and Generational Cohort in Catalonia: New Contributions from a Multivariate Analysis. *Language and Intercultural Communication*, 17(2), 135-149. <http://doi.10.1080/14708477.2016.1165241>
- Chong Shin, Dilah Tuah & Yusriadi. (2022). An Initial Qualitative Exploration of Economic, Cultural, and Language Changes in Telok Melano, Sarawak, Malaysia. *Sustainability*, 14, 26-55. <https://doi.org/10.3390/su14052655>.
- Clyne, M. (2003). *Dynamics of Language Contact*. Cambridge: Cambridge University Press.
- Darise, N., Malabar, S., & Salam, S. (2022). Pergeseran bahasa Gorontalo pada masyarakat Gorontalo di Kecamatan Singkil Kota Manado Sulawesi Utara. *IDEAS: Jurnal Pendidikan, Sosial, dan Budaya*, 8 (3), 885-890. DOI: <https://doi.org/10.32884/ideas.v8i3.834>.
- David, M.K. (2008). Language policies and language use in multilingual Malaysia. In. A.N. Nikitin and S.A. Stepanov (eds.). *The Shape of Civilization to Come Proceedings of the*

- International Scientific Forum. Russif, Moscow: IUEPS Publishers. DOI:10.2991/isphe-18.2018.65.
- Dilah Tuah, Remmy Gedat, Muhammad Jazlan Ahmad Khiri, & Chong Shin. (2020). Pengekalan dan peralihan bahasa dalam kalangan generasi muda etnik Kedayan di Bekenu Sarawak. *International Social Science and Humanities Journal*, 3(4), 1-16. <http://www.ijepc.com/PDF/IJEPC-2020-35-06-08.pdf>.
- Dorian, N. C. (1981). *Language Death: The life cycle of a Scottish Gaelic dialect*. Philadelphia: University of Pennsylvania Press.
- Duff, P., & Doherty, L. (2019). Learning “Chinese” as Heritage Language: Challenges, issues, and ways forward. In C. R. Huang, Z. Jing-Schmidt, & B. Meisterernst (eds.). *Routledge Handbook of Chinese Applied Linguistics* (pp. 14-164). Routledge. <http://doi.10.4324/9781315625157-11>.
- Eriksen, T.H. (1993). *Ethnicity and Nationalism: An Anthropological Perspectives*. London: Pluto Press.
- Fasold, R. (1984). *Sociolinguistic of Society*. Basil Black-well Inc., New York.
- Grosjean, François. (1982). *Life with two languages: An introduction to bilingualism*. London: Harvard University Press.
- Grosjean, François. (1992). Another view of bilingualism. *Cognitive Processing in Bilinguals*, 83, 51-62.
- Grosjean, François. (2015). Bicultural bilinguals. *International Journal of Bilingualism*, 19(5), 572-586.
- Gupta, A. F. (1997). When mother-tongue education is not Preferred. *Journal of Multilingual and Multicultural Development*, 18(6), 496-506.
- Hakuta, Kenji. (1991). *Distinguishing between proficiency, choice, and attitudes in questions about language for bilinguals*. Stanford Center for Chicano Research (SCCR) Working Papers Series, No. 32. Stanford: Stanford University.
- Halliday, M.A.K. (1976). *System and Function in Language: Selected Papers*. London: Oxford University Press.
- Harni, K.N., & David, R. (2018). Language shift: Analysing language use in multilingual classroom interactions. *Functional Linguistics*, 5(9), 1-22. <https://doi.org/10.1186/s40554-018-0061-0>.
- Hatoss, A. (2013). *Displacement, language maintenance and identity: Sudanese refugees in Australia*. John Benjamins. <http://doi.10.1075/impact.34>.
- Hoed, B. K. (2011). Ekologi-bahasa, revitalisasi bahasa, identitas, dan tantangan global dalam masyarakat Indonesia yang multikultural. Prosiding Seminar Pengembangan dan Perlindungan Bahasa-Kebudayaan Etnik Minoritas untuk penguatan Bangsa (pp. 9-10). 15 Desember 2011. Jakarta: LIPI Press.
- Hofmann, C. (1991). *Introduction to Bilingualism*. London: Routledge.
- Holmes, J. (1995). *Women, men and politeness*. London: Longman.
- Holmes, J. (2010). *An Introduction to Sociolinguistics*. Fourth Edition. London: Routledge.
- Holmes, J., & Wilson, N. (2017). *An Introduction to Sociolinguistics*. London: Routledge.
- Howatt, A. (1984). *A History of English Language Teaching*. Oxford: Oxford University Press.
- Idaryani, & Fidyati. (2022). The impact of parental language ideology and family language policy on language shift and language maintenance: Bilingual perspective. *EduLite: Journal of English Education, Literature, and Culture*, 7(1), 192-208. DOI: 10.30659/e.7.1.192-208.

- Joan, A. & Ting, S. H. (2022). Kejaman in Malaysia: Decreasing language ability and uniplexity of social networks. *Human Behavior, Development and Society*, 23(2), 29-38. <https://so01.tci-thaijo.org/index.php/hbds/article/view/254839/170518>.
- Karina Diah Rahmawati, Yulianeta Yulianeta, Tri Indri Hardini, Dadang Sunendar, Mahmud Fasya. (2022). Xenoglosofilia: ancaman terhadap pergeseran bahasa Indonesia di era globalisasi. *Jurnal Penelitian Pendidikan*. 22 (2), 168-181 DOI: <https://doi.org/10.17509/jpp.v22i2.48110>
- Kartika-Ningsih, H., & Rose, D. (2018). Language shift: analysing language use in multilingual classroom interactions. *Functional Linguist*, 5(9), 1-22. <https://doi.org/10.1186/s40554-018-0061-0>
- Kunjana, R. (2006). *Dimensi-dimensi kebahasaan: Aneka masalah bahasa Indonesia terkini*. Yogyakarta: Penerbit Erlangga.
- Lambert, W. E. (1984). An Overview of issues in immersion education. In California State Department of Education (Ed.), *Studies on Immersion Education: A Collection for United States Educators* (pp. 8-30). Sacramento: California State Department of Education.
- Lanin, I. (2018). "Xenoglosofilia: Kenapa Harus Nginggris?". Jakarta: Kompas.
- Lestari, A., & Hasibuan, A. (2022). Pergeseran bahasa Jawa pada kalangan remaja Desa Firdaus Kabupaten Serdang Bedagai. *Journal Pusat Studi Pendidikan Rakyat*, (2)1, 139-147. <https://pusdikra-publishing.com/index.php/jies/article/view/711/613>.
- Lieberson, S. (1965). Bilingualism in Montreal: A demographic analysis. *American Journal of Sociology*. 71, 10-25.
- Listeani, F. Y. (2020). Penggunaan kosa kata bahasa indonesia pada generasi millennial. *Jurnal Basastra*, 9(1), 1-15. DOI: <https://doi.org/10.24114/bss.v9i1.17771>.
- Md. Roslan Suhailin & Arba'ie Sujud. (2020). Gender dan transmisi bahasa antara generasi dalam kalangan pelajar etnik Bisaya di Beaufort, Sabah. *International Journal of Education, Psychology and Counselling (IJEPC)*, 5(35), 107-124. DOI:10.35631/IJEPC.5350011.
- Metom, L., Ting, S.H., & Ling, H, N. (2021). The Iban of Sarawak, Malaysia: ethnic language losing ground to English and Sarawak Malay. *Human Behavior, Development and Society*, 22(3), 54-64.
- Mior Muhammad Firdaus Abdul Rahman & Sa'adiyah Ma'alip. (2022). Peralihan dari aspek penguasaan bahasa masyarakat Kampar di kampung Sungai Nipah Darat. *Jurnal Melayu*, 21(1), 59-80. <https://doi.org/10.17576/akad-2020-9002-07>
- Mohammed Azlan Mis & Nur Syafiqah Muhammad Situl. (2022). Pemilihan bahasa dalam situasi rasmi di pejabat kerajaan. *GEMA Online® Journal of Language Studies*, 22(3), 213-235. <http://doi.org/10.17576/gema-2022-2203-12>
- Mohammed Azlan Mis. (2020). *Pilihan bahasa dan lingua franca*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mohd Khaidir Abdul Wahab. (2023). Sikap bahasa dan pemilihan bahasa dalam kalangan pelajar Institusi Pengajian Tinggi Awam di Wilayah Utara Semenanjung Malaysia. *Jurnal Melayu Vol*, 22 (2), 22-53.
- Mohd. Arifin Mohd. Arif, Norazlina Mohd Kiram, Noor Aina Dani. (2020). Aplikasi teori analisis domain dalam domain bahasa etnik Melayu Brunei di Sabah. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 5(7), 59 - 75. doi: 10.47405/mjssh.v5i7.442.

- Mufwene, S. (2003). Language endangerment: What have pride and prestige got to do with it? In Brian, J (Ed.), *When Languages Collide* (pp. 324-346). Ohio: State University Press.
- Muhammad Akhir, Andi Sukri Syamsuri, & Akbar. (2022). Pergeseran bahasa dalam komunikasi masyarakat desa Ranteangin Kabupaten Luwu Timur. *Jurnal Konsepsi*, 10(4), 354-360. <https://p3i.my.id/index.php/konsepsi/article/view/137/139>.
- Mukherjee, D., & David, M.K. (2011). *National language planning and language shift in Malaysian minority communities: Speaking in many tongues*. Amsterdam: Amsterdam University Press.
- Musgrave, S. (2014). Language shift and language maintenance in Indonesia. In P. Sercombe and R. Tupas (Eds.). *Language, identities and education in Asia: language contact, assimilation and shift in Brunei, Indonesia, Malaysia and Singapore* (pp. 87-105). London: Palgrave.
- Noor Aina Dani & Mhd. Amin Arshad. (2004). Teori dan realiti perubahan bahasa: daripada bahasa Ibunda kepada bahasa Melayu. *Monograf Bahasa, Sastra dan Budaya Melayu*, 9, 45-55.
- Noor Aina Dani, & Syeril Patrisia Kining. (2016). Impak Bahasa sabah ke atas bahasa ibunda generasi muda etnik Kadazadusun. *International Journal of the Malay World and Civilisation*, 4(2), 45-55. <http://dx.doi.org/10.17576/IMAN-2016-0402-05>.
- Noraisikin Ghazali, and Mohammad Fadzeli Jaafar, and Harishon Radzi, (2020) *Peralihan bahasa dalam kalangan dua generasi Cham Malaysia*. *AKADEMIKA*, 90 (2). pp. 75-89. <https://doi.org/10.17576/akad-2020-9002-07>.
- Nurul Adila Zulkipli & Sa'adiyah Ma'alip. 2021. Pemilihan Bahasa dalam Kalangan Pekerja Asing di Taman Pelangi , Prai, Pulau Pinang. *Jurnal Melayu*, 20 (1), 154-169.
- Octorina, I. M., Karwinati, D., Aeni, E. S. (2018). Pengaruh bahasa di media sosial bagi kalangan remaja. *Parole: Jurnal Pendidikan Bahasa dan Sastra Indonesia*, 1(5), 727-736. doi.org/10.22460/p.v1i5p%25p.1000.
- Ong, T. W. S. (2021). Family language policy, language maintenance and language shift: Perspectives from ethnic Chinese single mothers in Malaysia. *Issues in Language Studies*, 10(1), 59-75. <https://doi.org/10.33736/ils.3075.2021>
- Pandharipande, R. (1992). Language shift in India: Issues and implications. In Fase, W., Jaspert, K & Kroon, S. (Eds.), *Maintenance and Loss of Minority Languages* (pp. 253-275). Amsterdam: John Benjamins Publishing Company.
- Pauwels, A. (2005). Maintaining the community language in Australia: challenges and roles for families. *International Journal of Bilingual Education and Bilingualism*, 8(2), 124-131. <http://doi.10.1080/13670050508668601>.
- Pillai, S. (2006). Malaysian English as a first language. In M.K. David (Ed). *Language Choices and Discourse of Malaysian Families: Case Studies of Families in Kuala Lumpur, Malaysia* (pp. 61-75). Petaling Jaya: SRD.
- Riley, P. (2008). *Language, culture and identity: An ethnolinguistic perspective*. London: Continuum.
- Ritonga, D. H., Sri, S.& Irsa, L. (2018). Relationship between bilingual environment and Indonesian language development in children. *The 4th International Seminar on Public Health Education (ISPHE 2018). Advances in Health Science research*, 12, 279-283.
- Romaine, S. (1989). *Bilingualism*. Oxford: Blackwell.
- Rose, D., & Martin, J.R. (2012). *Learning to write, reading to learn: Genre, knowledge and pedagogy in the Sydney school*. Bristol: Equinox Publishing.

- Sa'adiah Ma'alip, Afifah Vanitha Abdullah, Chong Shin & Tengku Intan Suzila Tengku Sharif. (2023). Persepsi Orang Asli Lanoh terhadap usaha pembalikan peralihan bahasa. *Jurnal Melayu*, Isu Khas, 1-13.
- Saidatul Nornis Hj. Mahali, Aishah Tamby Omar, & Wong Mee Mee. (2022). Domain dan pilihan bahasa generasi muda Murut di daerah Keningau, Sabah. *GEMA Online® Journal of Language Studies*, 22(3), 119-138. <http://doi.org/10.17576/gema-2022-2203-07>.
- Sallabank, J. (2013). *Attitudes to endangered languages: Identities and policies*. Cambridge University Press. <http://doi.org/10.1017/CBO9781139344166>.
- Schiffman, H. F. (1995). Language shift in the Tamil communities of Malaysia and Singapore: The paradox of egalitarian language policy. *Southwest Journal of Linguistics: Language Loss and Public Policy*. I. Vol. 14, Nos. 1-2.
- Schwartz, S. J., Birman, D., Benet-Martínez, V., & Unger, J. B. (2017). Biculturalism: Negotiating multiple cultural streams. In Seth J. Schwartz & Jennifer B. Unger (Eds.), *The Oxford Handbook of Acculturation and Health* (pp. 29-47). Oxford: Oxford University Press.
- Shih, M., & Sanchez, D. T. (2005). Perspectives and research on the positive and negative implications of having multiple racial identities. *Psychological Bulletin*, 131, 569-91. DOI:10.1037/0033-2909.131.4.569.
- Soffiatti, James P. 1960. Bilingualism and biculturalism. *The Modern Language Journal*, 44, 275. <https://doi.org/10.1111/j.1540-4781.1960.tb01461.x>
- Tabouret-Keller, A. (1998). Language and identity. In F. Coulmas (Ed.), *The Handbook of Sociolinguistics* (pp.315-326). Oxford: Blackwell.
- Tandefelt, M. (1992). Some linguistic consequences of the shift from Swedish to Finnish in Finland. In Willem Fase, Koen Jaspaert & Sjaak Kroon (Eds.), *Maintenance and loss of minority languages* (pp. 149-170). John Benjamins Publishing Company.
- Ting, S.H & Hoo, H.Y. (2022). Vitality of Hakka Chinese in Johor, Malaysia. *Taiwan journal of linguistics*. 20(2), 1-49. doi: 10.6519/tjl.202207_20(2).0001
- Wai, S.O.T & Said, S. B. (2021). Selective language maintenance in multilingual Malaysia. In Toru Okamura & Masumi Kai (Eds.), *Indigenous Language Acquisition, Maintenance and Loss and Current Language Policies* (pp.207-228). USA: IGI Global.
- Wan Robiah Meor Osman, Hamidah Abdul Wahab,
- Remmy Gedat, Rosnah Mustafa, Siti Marina Kamil, Rusmadi Baharudin, Santrol Abdullah. (2022). Tahap penggunaan dan sikap terhadap bahasa kebangsaan di bandaraya Kuching, Sarawak. *GEMA Online® Journal of Language Studies*, 22(2), 160-184. <http://doi.org/10.17576/gema-2022-2202-09>.
- Weinrich, U. (1964). *Languages in contact: Findings and problems*. The Hague: Mouton.
- Xi, Guo. (2004). *Zhongguo Shehui Yuyanxue*. Hangzhou: Zhejiang Daxue Chubanshe.
- Yu, W. 2000. Direct method. In M. Byram (Ed.), *Routledge Encyclopedia of Language Teaching and Learning* (pp. 176- 178). New York: Routledge.

Biodata Penulis

Saidatul Nornis Hj. Mahali (PhD) merupakan Pensyarah Kanan dan Prof. Madya di Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa, Universiti Malaysia Sabah (UMS), Kota Kinabalu. Bidang pengkhususan beliau ialah Linguistik Antropologi dan minat penyelidikan tertumpu kepada bahasa dan budaya etnik-etnik di Sabah dan Sarawak